

# BN digesa kukuhkan parti, kerajaan

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM 5 JUL 2001

**K**DALAM HIMPUR 4 Julai -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) terus memperkukuhkan parti dan kerajaan supaya tidak menghampakan rakyat yang masih menganggap BN pilihan terbaik untuk menjamin kesejahteraan Malaysia pada masa depan.

Menurut Pengerusi BN itu, perjuangan BN bagi membina hari esok yang lebih bahagia untuk semua masih belum selesai.

Oleh sebab itu, tegasnya, perkhidmatan untuk rakyat perlu diutamakan setiap masa.

Beliau turut mengingatkan bahawa BN menjadi kukuh dan kuat atas sokongan rakyat.

Ini dibuktikan, katanya setelah 10 kali rakyat memberi kepercayaan kepada gabungan itu untuk memerintah negara melalui pilihan raya yang demokratik.

"Oleh itu, janganlah kita hampakan harapan mereka. Tugas kita adalah lebih besar lagi mencabar. Dugaan dari dalam dan luar akan terus mengancam kita.

"Kita mesti bekerja kuat untuk terus berkuasa dalam pilihan raya ke-11 pada tahun 2004 nanti," katanya dalam perutusan bertajuk "Satu Renungan" sempena Konvensyen BN yang dijadualkan pada Sabtu ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Menurut Dr. Mahathir, BN telah berjaya mewujudkan satu formula politik berkesan dan berkemampuan bagi menyelesaikan pelbagai masalah terutama berhubung soal etnik yang menjadi masalah dunia hari ini terutama di Barat.

Tegasnya, atas asas perpaduan dan semaneat "Malaysia Boleh", negara beriya a mempertahankan kebebasan politik dan ekonomi serta mewujudkan keadilan sosial yang cukup tinggi mengikut acuan sendiri.

"Saya harap komponen parti dan ahli-ahlinya tidak akan leka dalam tanggungjawab untuk terus memperkukuhkan parti dan kerajaan.

"Walaupun kita merenung sedalam-dalamnya tentang apa yang perlu kita lakukan dari sekarang untuk mencapai matlamat tersebut," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan bersyukur sejak wujudnya BN pada 1976 yang menggabungkan 14 parti yang sehaluan untuk mentadbir negara. Malaysia berjaya mencapai tahap kestabilan politik yang amat membanggakan.

Perpaduan kaum, katanya, menjadi lebih sempurna dan keamanan serta keselamatan negara lebih terjamin.

Begitu juga dengan pembangunan dan kemajuan negara berjalan lancar dan kemakmuran yang dinikmati rakyat terus meningkat.

"Ini berkat semangat kongsi kuasa yang kita amalkan selama ini bagi mencapai matlamat "Mengimbangkan Hak Antara Kaum" tanpa mengira kaum atau warna kulit," katanya.

Dalam hubungan ini, kata Dr. Mahathir, perundangan telah menjadi instrumen penting bagi Perikatan dan BN dalam usaha mencari penyelesaian politik menyentuh masalah kaum, agama dan budaya.

"Hasilnya, kita telah dapat mentadbir dan membangunkan negara dengan berjaya," katanya.

Menurutnya, ke arah mewujudkan kestabilan politik, rakyat harus menolak budaya kekerasan yang sedang dikembangkan oleh Barat khususnya di negara-negara membangun agar kerajaan-kerajaan yang dipilih secara demokratik boleh ditumbangkan.

"Budaya demonstrasi jalanan bukan budaya Malaysia. Ia merupakan penyalahgunaan demokrasi bagi mencapai kehendak kumpulan tertentu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, tidak boleh dinafikan kejayaan negara sejak 44 tahun lalu ialah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang lebih bersatu-padu.

Semangat dan cinta serta kesetiaan rakyat kepada Malaysia lebih kuat sekarang.

"Inilah kekuatan baru yang ada pada kita sekarang yang akan memacu kita semua mencapai matlamat Malaysia Negara Maju seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020," katanya.

Dr. Mahathir turut berharap Konvensyen BN akan menjadi wadah dan forum terpenting bagi parti-parti komponennya untuk mengatur kerja dan strategi demi keutuhan dan kejayaan kerajaan.